

03 DEC 2002

DR MAHATHIR DAN ISTERI SAMPAI SUMBANGAN RAYA

JITRA, 3 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada 300 ibu tunggal dan 150 anak yatim di Dewan Jitra, di sini.

Bantuan berkenaan adalah sumbangan Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF), Yayasan Kemiskinan Darul Aman dan Umno Kubang Pasu.

Anak-anak yatim dan ibu tunggal itu, yang terdiri daripada masyarakat Felda dari seluruh Kedah dan Perlis, menerima sumbangan wang tunai dan pakaian.

Pada majlis yang sama, Majlis Belia Felda Kedah/Perlis mendapat sumbangan 13 komputer daripada GWGF.

Pengerusi GWGF Tan Sri Rozali Ismail berkata sumbangan hari raya berkenaan akan diteruskan di negeri-negeri lain di masa akan datang.

Beliau berkata sebanyak RM100,000 telah diperuntukkan dari Tabung Wawasan Generasi Felda Malaysia, yang dikendalikan oleh GWGF, untuk program sumbangan hari raya pada kali ini.

Tabung Wawasan Generasi Felda Malaysia adalah hasil sumbangan dari anak-anak peneroka yang telah berjaya dalam bidang masing-masing dan telah dilancarkan pada 23 Ogos lepas.

--BERNAMA

FMF FIZ IAW MZM MAI